



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BLOK 10, TINGKAT 9, KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50622 KUALA LUMPUR**

PERMOHONAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN DI MITI

MITI mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan
Pekerja Sambilan Harian (PSH).

1. Kelayakan Akademik Pemohon

- ❖ Warganegara Malaysia;
- ❖ Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan jawatan;
- ❖ Pemohon yang telah menamatkan pengajian pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Diploma atau Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan;
- ❖ Pemohon diwajibkan membawa Sijil SPM dan transkrip Ijazah Sarjana Muda / Diploma bagi semester akhir yang telah disahkan oleh pihak universiti semasa menghadiri temuduga.

2. Cara Memohon

- ❖ Pemohon boleh mengemukakan **resume terkini beserta gambar passport** secara pos atau emel.
- ❖ Dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan ke MITI seperti alamat di bawah:-

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)
Blok 10, Tingkat 9, Kompleks Pejabat Kerajaan
Jalan Tuanku Abdul Halim
50622 Kuala Lumpur
(u.p.: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)**

- ❖ Pemohon juga boleh menghantar resume melalui alamat emel MITI iaitu *e-psh@miti.gov.my*.

❖ *“Tempoh perkhidmatan PSH hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi.”*

Rujukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011.

❖ Hanya pemohon yang layak akan dihubungi melalui telefon untuk hadir ke sesi temuduga pada masa yang akan ditetapkan oleh MITI.

3. Kadar Upah

PSH layak menerima kadar upah berdasarkan kelayakan akademik yang bersesuaian dengan jenis tugas yang akan dilaksanakan. Kadar upah adalah seperti berikut:-

Kelayakan Akademik	Upah (RM/Sehari)
Ijazah Sarjana Muda	100.00
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/Diploma	72.00
Sijil Pelajaran Malaysia	54.00

PENGAMBILAN SEPANJANG TAHUN